

D984

B B978 AAB
MAHATHIR -- PINJAMAN R'R'R'

KUALA LUMPUR, 16 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN JEPUN MENAWARKAN PINJAMAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA UNTUK PROJEK PEMBEKALAN GAS DARI TERENGGANU KE PANTAI BARAT SEMENANJUNG DENGAN KADAR FAEDAH EMPAT PERATUS.

PERDANA MENTERI BERKATA TAWARAN ITU DIBUAT KEPADANYA OLEH PERDANA MENTERI JEPUN NOBORU TAKESHITA DALAM PERTEMUAN MEREKA DI MANILA.

MEREKA TELAH BERBINCANG DALAM SUASANA MESRA DENGAN TUMPUAN KEPADA SOAL MENINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERTEMUAN ITU DIADAKAN DI SANA SELEPAS MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN KE-3 YANG BERAKHIR SEMALAM.

MALAYSIA MENYAMBUK BAIK TAWARAN JEPUN ITU TETAPI JUMLAH WANG YANG AKAN DIPINJAMKAN AKAN DITETAPKAN MELALUI PERBINCANGAN PADA PERINGKAT PEGAWAI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PADA SIDANG AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR SEKEMBALINYA DARI MANILA.

BELIAU BERKATA BAHAWA TAWARAN JEPUN ITU MELIBATKAN +SEGALA YANG PERLU UNTUK MEMBEKALKAN GAS KE PANTAI BARAT.+ -- LAGI
1447MST 16 12 87

D993

B B981 AAB
MAHATHIR - PINJAMAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PROJEK PEMBEKALAN GAS KE PANTAI BARAT YANG DIJANGKA MENELAN BELANJA LEBIH SERIBU JUTA RINGGIT ITU AKAN DILAKSANAKAN OLEH PETRONAS DAN PADA PERINGKAT PERMULAANNYA ADALAH BAGI KEGUNAAN JANAKUASA-JANAKUASA ELEKTRIK YANG TERDAPAT DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG.

PROJEK ITU KEMUDIANNYA AKAN MELIBATKAN PEMBEKALAN GAS KE RUMAH-RUMAH DI SELURUH SEMENANJUNG YANG AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT.

KERAJAAN JEPUN JUGA TELAH MENAWARKAN PINJAMAN MUDAH AS\$2 RIBU JUTA KEPADA PIHAK SWASTA SEMUA NEGARA ASEAN MELALUI TABUNG PEMBANGUNAN ASEAN-JEPUN (AJDF).

DALAM HUBUNGAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA SEKTOR SWASTA DI NEGARA INI SUPAYA BERTINDAK DENGAN SEBERAPA SEGERA MEMIKIRKAN PROJEK-PROJEK APA YANG HENDAK MEREKA LAKSANAKAN MELALUI PINJAMAN TERSEBUT.

+JIKA TIDAK, WANG ITU AKAN PERGI KEPADA ORANG LAIN.+ -- LAGI
1504MST 16 12 87

D005

B B995 AAB
MAHATHIR - PINJAMAN 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JUMLAH PINJAMAN KEPADA MALAYSIA DARIPADA AFDJ TIDAK DISEBUTKAN DAN OLEH ITU SEKTOR SWASTA DI NEGARA INI PERLULAH BERTINDAK CEPAT MENGEMUKAKAN PROJEK-PROJEK MEREKA.

APA YANG ISTIMEWA TENTANG PINJAMAN ITU KALI INI IALAH KERANA IA UNTUK SEKTOR SWASTA DAN BUKANNYA UNTUK MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR BAGI KERAJAAN NEGARA-NEGARA ASEAN, KATA BELIAU.

KATANYA KERAJAAN MENYAMBUK BAIK TAWARAN ITU KERANA INI BERMAKNA PIHAK SWASTA BERPELUANG MENDAPAT PINJAMAN DENGAN KADAR FAEDAH YANG RENDAH.

BELIAU BERHARAP SEKTOR SWASTA NEGARA INI AKAN MEREBut PELUANG ITU SAMA ADA SECARA USAHASAMA ATAU PERSENDIRIAN UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN DI NEGARA INI. -- BERNAMA
1523MST 16 12 87